



BE  
AWWE  
SOME  
BE  
MASS  
CO  
MM



VOLUME  
02

# TEKNOLOGI KOMUNIKASI DIGITAL (MEDIA SOSIAL): ISU TINGKAH LAKU *SEXTING*

Oleh : Siti Nasarah Ismail, Nur Alyani Mohd Shukri, & Noryusnita Ramli

## Pengenalan

Menelusuri era digital ini, aplikasi media sosial telah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan seharian kita. Kewujudan pelbagai platform dan aplikasi komunikasi digital seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, dan Snapchat, menjadikan komunikasi lebih mudah dan pantas. Data statistik menunjukkan sehingga Januari 2024, sebanyak 28.68 juta bersamaan 83.1 peratus jumlah populasi penduduk Malaysia menggunakan media sosial untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat, dan berhubung dengan orang lain (Data Reportal, 2024). Ini secara tidak langsung memberi gambaran “tahap digital” rakyat Malaysia dan menunjukkan proses perkembangan platform digital.

Sebelum kewujudan platform komunikasi digital, komunikasi utama berlaku melalui medium seperti surat, telefon, dan pertemuan muka ke muka. Kaedah berkomunikasi seperti ini menuntut komitmen masa dan usaha untuk berhubung dengan orang lain, terutamanya melibatkan jarak jauh.

Namun, setelah kemunculan platform dan aplikasi komunikasi digital, kaedah berkomunikasi telah mengalami perubahan yang signifikan. Platform dan aplikasi komunikasi digital yang lebih dikenali sebagai media sosial ini membolehkan pengguna berhubung dengan orang lain secara serta-merta, tanpa mengira jarak geografi.

Teknologi komunikasi media sosial telah mengubah norma komunikasi tradisional dengan memperkenalkan cara baharu untuk berinteraksi. Kini, pengguna boleh berkongsi maklumat dan berhubung dengan lebih ramai orang pada masa yang sama melalui muat naik status atau hantaran (*posting*) di aplikasi media sosial dan mesej langsung (*direct message*).

## Aspek Positif dan Negatif Media Sosial terhadap Komunikasi

Penggunaan aplikasi media sosial memudahkan komunikasi merentas sempadan geografi sekaligus dapat mengeratkan hubungan antarabangsa. Ia juga membenarkan pengguna dari pelbagai budaya dan latar belakang untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman mereka. Selain itu, aplikasi ini menyediakan akses kepada pembentukan komuniti dan kumpulan sokongan untuk pelbagai tujuan dan minat. Sebagai contoh, kewujudan kumpulan sokongan untuk pesakit kronik di media sosial memberi ruang untuk mereka berkongsi maklumat dan memberi sokongan emosi terhadap satu sama lain.

Kepantasan dan jangkauan penyebaran maklumat melalui media sosial juga membolehkan berita dan maklumat penting disebarkan dengan pantas. Kelebihan ini sangat membantu dalam situasi kecemasan atau untuk tujuan penyebaran maklumat awam.

Namun, di sebalik kelebihan yang disajikan melalui penggunaan platform ini, kekurangan konteks dan nada ketika berkomunikasi secara digital boleh mewujudkan salah faham di kalangan pengguna. Mesej teks yang pendek dan tanpa ekspresi ditafsirkan secara berbeza-beza oleh pengguna.

Malah, komunikasi melalui aplikasi media sosial juga boleh membawa kepada tingkah laku *sexting*, buli siber dan sekaligus menyebabkan tekanan emosi dan psikologi yang serius di kalangan mangsa.

Selain itu, terdapat kemerosotan dalam kemahiran sosial dan hubungan bersemuka akibat kebergantungan sepenuhnya terhadap komunikasi digital. Ini berikutan majoriti masyarakat kini lebih selesa berinteraksi melalui aplikasi media sosial berbanding secara bersemuka, sehingga membawa kepada kemahiran sosial yang lemah.

## Apa Itu Tingkah Laku *Sexting* dan Pengaruh Media Sosial

*Sexting* merujuk kepada satu perlakuan yang melibatkan transaksi penghantaran mesej, gambar, audio, atau video yang bersifat seksual melalui peranti elektronik. Perlakuan ini semakin mendapat perhatian kerana implikasinya yang besar terhadap individu terutamanya remaja dan golongan dewasa muda.

Aplikasi media sosial menyediakan perkhidmatan yang mudah dan cepat untuk berkongsi maklumat. Ini termasuklah maklumat berbentuk peribadi dan intim. Kemudahan ini menyebabkan individu cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku *sexting* tanpa memikirkan kesan jangka masa panjang.

Selain itu, mewujudkan akaun “tanpa nama” dalam aplikasi media sosial memberikan rasa ‘selamat’ kepada pengguna untuk berkongsi kandungan seksual. Mereka mungkin merasakan identiti mereka dilindungi, tetapi hakikatnya, data digital dengan mudah boleh tersebar.

Dalam masa yang sama, kandungan seksual yang mudah diakses di platform media sosial turut mendorong berlakunya tingkah laku *sexting*. Kerap didedahkan kepada kandungan sebegini boleh mempengaruhi norma dan sikap individu terhadap tingkah laku *sexting* ini, sehingga membawa kepada hubungan intim.

## Implikasi *Sexting* dan Langkah Pencegahan

*Sexting* boleh meningkatkan risiko dari aspek keselamatan dan privasi. Ini kerana gambar atau video yang dikongsi pengguna boleh tersebar luas, dan ia kekal di internet. Ini sekaligus akan membawa kepada perasaan malu, tekanan mental, dan masalah reputasi.

Selain itu, terlibat dalam perlakuan *sexting* boleh membawa kepada masalah psikologi seperti kebimbangan, kemurungan, dan rasa bersalah. Mangsa perlakuan ini juga mungkin menghadapi buli siber atau ancaman pemerasan (*sextortion*).

Di beberapa buah negara, *sexting* di kalangan kanak-kanak dan remaja boleh dianggap

sebagai kesalahan jenayah. Individu yang terlibat boleh didakwa atas tuduhan berkaitan dengan pornografi kanak-kanak dan kesalahan lain-lain yang berkaitan.

Pendidikan tentang seksualiti yang komprehensif di sekolah dan rumah boleh membantu remaja memahami risiko dan kesan negatif *sexting*. Pendidikan sebegini harus merangkumi topik tentang privasi digital dan keselamatan dalam talian.

Ibu bapa dan penjaga perlu menggalakkan komunikasi terbuka dengan anak-anak mereka tentang risiko dan bahaya *sexting* dan kepentingan menjaga privasi diri.

Kepentingan untuk mendidik individu tentang penggunaan teknologi yang bertanggungjawab dan beretika juga dilihat sangat membantu mencegah dan mengatasi perlakuan *sexting*. Ini merangkumi penggunaan tetapan privasi yang betul di aplikasi media sosial dan menghindari berkongsi maklumat peribadi dan sensitif dengan orang lain.

## Kesimpulan

Secara rumusan, aplikasi media sosial memberi pengaruh besar terhadap komunikasi tingkah laku individu, sama ada kesan positif atau negatif. Tidak dinafikan, penggunaan aplikasi ini memudahkan

komunikasi global dan penyebaran maklumat, namun, ia juga boleh membawa kepada permasalahan seperti tingkah laku *sexting*, buli siber, dan kelemahan interaksi secara bersemuka.

Pengaruh aplikasi media sosial terhadap tingkah laku *sexting* adalah isu yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang holistik. Justeru, adalah kritikal supaya setiap pengguna untuk menggunakan media sosial dengan berhemah dan sedar atau cakna tentang kesan negatif yang mungkin timbul daripada penggunaannya.

Selain itu, semua pihak termasuk ibu bapa, pendidik, dan pembuat dasar perlu bekerjasama untuk mendidik dan melindungi individu daripada risiko yang berkaitan dengan *sexting*. Melalui pendekatan yang betul, teknologi komunikasi digital akan digunakan secara bijak dan bertanggungjawab.

